

BUDIBICARA BAGINDA MENGIKUT UNDANG-UNDANG

Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain
Penasihat Undang-Undang UniMAP
merangkap Penasihat Gabungan MI'RAJ

Istiadat angkat sumpah dan penandatanganan suratcara Perdana Menteri akhirnya selamat disempurnakan di Istana Negara pada pagi Ahad, 1 Mac 2019 di hadapan SPB Yang di-Pertuan Agong.

Meskipun ada pihak yang mempertikai lantikan Tan Sri Muhyiddin Haji Yassin sebagai PM ke - 8, YDPA telah menentukan sendiri mekanisma untuk melaksanakan pertimbangan baginda di bawah Perlembagaan Persekutuan. Proses yang dijalankan telah memuaskan hati YDPA bahawa TSMY mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Mekanisma yang digunapakai oleh YDPA jelas melangkau syarat "mungkin mendapat kepercayaan".

Pada hakikatnya kesahan pelantikan TSMY oleh SPB Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dipertikai apabila budi bicara untuk membuat pelantikan di bawah Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan bermula, iaitu selepas tempoh lantikan PM interim berakhir atau PM interim meletakkan jawatannya.

Pihak yang tidak bersetuju dengan pelantikan TSMY sebagai PM hanya boleh mencabar pelantikan tersebut jika Tun Dr Mahathir masih seorang Perdana Menteri yang sah dan masih mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Isu ini boleh ditimbulkan kerana YDPA telah melantik Tun Dr Mahathir sebagai PM interim selepas beliau meletak jawatan sebagai PM ke 7. Sekiranya Tun M masih PM interim yang sah, pihak terkilan mempunyai asas untuk membawa usul ke mahkamah bagi maksud untuk menyemak keabsahan pelantikan TSMY oleh YDPA. Pada satu sudut lain, pelantikan Tun M sebagai PM interim juga boleh dipersoal sama kerana kerana beliau belum mengangkat sumpah dan tandatangan suratcara sebagai seorang PM.

Apabila Tun M dilantik sebagai PM interim, terdapat pihak yang mempertikai pelantikan sedemikian. Dari sisi Perlembagaan Persekutuan, pelantikan seorang Perdana Menteri di bawah Perlembagaan Persekutuan boleh dibuat di bawah dua keadaan.

Pertama, semasa hayat Parlimen menurut Perkara 43(2)(a), iaitu YDPA hendaklah terlebih dahulu melantik seorang Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang pada hemat atau pertimbangan baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahlinya.

Kuasa lantikan ini merupakan kuasa budi bicara YDPA yang dijamin oleh Perkara 40(2)(a).

Menurut Perkara 43(6) seorang menteri termasuklah Perdana Menteri tidak boleh menjalankan fungsi kuasa jawatannya melainkan beliau hendaklah mengangkat sumpah dan menandatangani di hadapan YDPA sumpah jawatan dan sumpah setia serta sumpah simpan rahsia seperti Jadual VI Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, semasa Parlimen dibubarkan atau dalam tempoh pembubaran Parlimen iaitu menurut Perkara 43(2)(a). YDPA boleh melantik dalam tempoh itu seorang Perdana Menteri dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang lalu tetapi tidak boleh terus untuk memegang jawatan selepas permulaan penggal Parlimen yang berikutnya, melainkan, jika dia ialah ahli Dewan Rakyat yang baru.

Tempoh tersebut sering dirujuk sebagai kerajaan interim atau lebih tepatnya Jemaah Menteri Interim.

Berdasarkan dua keadaan di atas, pelantikan Tun M telah dibuat di bawah peruntukan Perkara 43(2)(a) maka akan tamat apabila Parlimen dibubarkan atau beliau hilang undi kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Isu penamaan interim boleh sahaja dianggap prerogatif YDPA kerana wujud keadaan atau perkiraan lain di antara YDPA dengan Tun M, atau kerana belum ditetapkan tarikh angkat sumpah.

Walaupun bagaimanapun, apa yang jelas fungsi kuasa Tun M sebagai PM amat terhad selagi beliau belum angkat sumpah dan menandatangani suratcata berkaitan. Itulah yang berlaku dalam tempoh yang dikatakan sebagai PM interim baru-baru ini.

Isu yang menarik untuk dibahaskan ialah bilakah tempoh jawatan PM interim tamat atau PM Interim meletakkan jawatan kerana ketika itu baharulah bermula budi bicara YDPA untuk melantik seorang PM, melainkan dihujahkan pelantikan Tun M belum sah kerana masih belum berlaku istiadat angkat sumpah dan penandatanganan suratcara pelantikan seorang PM.

Jika disoroti peristiwa yang berlaku dalam tempoh lebih kurang seminggu ini, Tun M telah hilang sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat secara nyata apabila ahli Dewan Rakyat dalam pasukan Muafakat Nasional dan PH menarik balik sokongan kepada Tun M, iaitu apabila masing-masing mengusulkan TSMY dan Dato Seri Anwar Ibrahim sebagai calon PM baharu.

Akibatnya SPB YDPA menitahkan satu majlis menghadap dan proses baharu untuk membantu YDPA melaksanakan budi bicara baginda. Pada hakikatnya akuan bersumpah itu hanya salah satu mekanisma dan YDPA tidak dibataskan dengan hanya berpandukan pada jumlah surat akuan yang dipersembahkan. Dalam keadaan ini ternyata telah berlaku satu keadaan atau tempoh yang menunjukkan Tun M sudah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Perkara 43(4) memperuntukkan bahawa "apabila seorang PM tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka PM hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan oleh YDPA".

Tun M kehilangan kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat berdasarkan kejadian di atas maka kerana itu YDPA memanggil pemimpin-pemimpin yang disokong oleh dua kumpulan tersebut untuk menghadap termasuklah Tun M pada pagi 29 Februari 2020. Keadaan tersebut dipercayai menyebabkan YDPA mengguna pakai peruntukan Perkara 43(4) sebelum memutuskan pelantikan TSMY sebagai Perdana Menteri yang diumumkan pada sebelah petangnya.

Tegasnya, setelah Tun M meletak jawatan atau dianggap meletak jawatan sebagai PM interim ketika masing-masing MN dan PH menarik sokongan pada tarikh sebelum 29 Februari 2020, dan diterima oleh YDPA apabila baginda menitahkan calon-calon baharu, proses baharu untuk menimbangkan calon PM ke 8 pun bermula.

Proses pencalonan baharu itu menyaksikan akhirnya hanya dua nama iaitu TSMY dan Tun M setelah DSAI menarik diri lantas memberi sokongan kepada Tun M.

Justeru, pelantikan TSMY sebagai PM ke 8 dibuat melalui budi bicara YDPA iaitu pada hemat atau pertimbangan baginda, TSMY mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Jumlah akuan bersumpah atau akaun bersumpah itu sendiri hanyalah salah satu mekanisma yang tidak membataskan bagaimana YDPA melaksanakan budi bicara baginda. Apatah lagi jumlah akuan bersumpah yang dikemukakan selepas YDPA sudah membuat keputusan untuk melantik TSMY sebagai PM ke 8. Dari satu sudut lain, kandungan akuan bersumpah juga perlu diperiksa kerana tiada siapa yang boleh sesuka hati membuat akuan berkanun yang bercanggah antara satu sama lain.

Ringkasnya, YDPA melaksanakan budi bicara baginda melantik PM ke 8 selepas tempoh PM interim tamat kerana YDPA berpuas hati Tun M sudah hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat malah Tun M sendiri mempersetujui namanya dipertimbangkan semula oleh YDPA sebagai calon PM ke 8.

Justeru pelantikan TSMY sebagai PM ke 8 oleh YDPA tidak boleh dicabar apatah lagi dipertikai kerana baginda telah melaksanakan budi bicara yang dijamin oleh Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan iaitu pelantikan PM.

Jika masih ada pihak yang mencabar jumlah sokongan yang diperolehi oleh TSMY, itu tidak menggugat kesahan pelantikan TSMY dan istiadat pada pagi 1 Mac 2020 di Istana Negara.

Syabas dan tahniah buat YAB Tan Sri Muhyiddin Haji Yassin, Perdana Menteri Malaysia ke 8. Semoga jati diri watan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak kembali dihormati dalam semangat dan kerangka undang-undang Malaysia sebagai sebuah Persekutuan.